

PKKP UMS perkasa sistem pembelajaran

► Penuhi keperluan industri dan kemahiran profesional

Oleh SADDAM EDRIS

UB 17.12.2018 A5

KOTA KINABALU: Pusat Kokurikulum dan Kemajuan Pelajar (PKKP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menggalas tanggungjawab memperkasakan sistem serta struktur pembelajaran dari semasa ke semasa.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, ia bagi memenuhi keperluan serta penguasaan kemahiran profesional dan kemahiran insaniah pelajar, seiring dengan keperluan sektor pekerjaan.

"UMS melalui PKKP menawarkan kursus-kursus yang relevan dengan kehendak dan aspirasi pembangunan pelajar cemerlang, sesuai juga dengan sistem pembelajaran secara intergratif iaitu penguasaan kemahiran profesional dan kemahiran insaniah.

"Gabungan pembelajaran secara intergratif ini akan dapat membantu universiti membentuk graduan yang holistik dan berwibawa untuk melangkah ke gerbang kejayaan.

"Universiti berharap



HASNOL (dua dari kiri) mengunjungi gerai pameran yang berlangsung pada karnival berkenaan.

dengan konsep pembelajaran dan pengajaran kursus kokurikulum yang bersistematik serta berstruktur, akan dapat melahirkan graduan serta bakal menjadi pemimpin masyarakat yang unggul dan cemerlang," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Karnival

Kokurikulum Semester satu sesi 2018/2019, di sini pada Ahad.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Akademik (Hepa) UMS Profesor Dr Ismail Ali.

Sementara itu, Kamarudin berkata penganjuran Karnival Kokurikulum bertujuan

memastikan pelajar UMS berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti terbabit bagi pemantapan jati diri dan pembangunan modal insan cemerlang.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar akan dapat membudayakan kehidupan sebagai pelajar yang unggul serta bergiat aktif dalam aktiviti



PENGARAH Program Karnival Kokurikulum UMS semester satu sesi 2018/2019 Nurul Hidayah Fazilah Saharuddin (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Ismail selepas berucap merasmikan majlis penutupan karnival berkenaan. Turut kelihatan Hasnol (kanan).

kokurikulum baik di dalam maupun luar kampus.

"Mudah-mudahan program ini menjadi pemangkin kepada pelajar lain untuk terus berusaha dan cemerlang dalam bidang pembangunan kemahiran insaniah maupun aktiviti kemahasiswaan pada masa hadapan.

"Saya amat berbangga kerana karnival ini berjaya menyatukan semua pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang, agama, bangsa dan bahasa di bawah satu karnival yang hebat," katanya.

Sementara itu, Pengarah PKKP Dr Hasnol Noordin menjelaskan karnival berkenaan adalah kemuncak pembelajaran kokurikulum yang memperlihatkan output pembelajaran secara amali melalui persembahan, pameran dan pertandingan.

Katanya, karnival itu juga melibatkan keseluruhan pelajar kokurikulum dan beberapa komponen iaitu kemasyarakatan dan kepimpinan, sukatan rekreasi serta badan beruniform.

"Pelajar kokurikulum

diwajibkan untuk turut serta dalam program ini sebagai sebahagian daripada penilaian akhir pembelajaran subjek kokurikulum yang akan dinilai oleh para pensyarah dan jurulatih masing-masing.

"Melalui penglibatan ini, pelajar akan dapat menambah pengetahuan dan pengalaman untuk memperkembangkan intelek, minat, bakat jasmani serta rohani ke arah pembangunan kepimpinan, pembentukan nilai insaniah, jati diri serta nilai sosial yang positif," katanya.